

SIARAN MEDIA
Untuk Siaran Segera

LANJUTAN OPERASI STESEN LRT BUKIT JALIL & LALUAN BAS RAPID KL TERPILIH

KUALA LUMPUR, 28 Januari 2023 – Operasi Stesen LRT Bukit Jalil akan dilanjutkan sehingga jam 2.00 pagi pada malam ini, Sabtu 28 Januari, bagi menampung jumlah penumpang yang dijangka meningkat bersempena dengan beberapa acara yang akan berlangsung di Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil.


Operasi kesemua stesen akan turut dilanjutkan bagi membolehkan penumpang menuju ke destinasi akhir.

Manakala, operasi bas Rapid KL bagi laluan – laluan yang terpilih akan dilanjutkan sehingga 2.30 pagi.

Laluan bas Rapid KL adalah seperti berikut: -

No Laluan	Destinasi	Ke
173	Lebuh Ampang	Taman Jasa Utama
190	Lin Ho Jalan Lekiu	Hab Desa Sri Hartamas
250	Lebuh Ampang	Stesen LRT Wangsa Maju
772	Hab Pasar Seni	Subang Suria Mah Sing
400	Hab Lebuh Pudu Via Bukit Bintang	Damai Perdana
450	Hab Lebuh Pudu	Hentian Kajang
590	Hab Lebuh Pudu	Bandar Sungai Long
600	Hab Pasar Seni	Puchong Utama
640	Hab Pasar Seni	Hab Bas Sri Manja
652	Batu 3 Jalan Klang Lama	Stesen LRT Awan Besar
T580	TPM Via Stesen LRT Bukit Jalil	Stesen LRT Awan Besar
T582	Bandar Sri Petaling	Stesen LRT Sri Petaling
300	Lebuh Ampang	Hab Pandan Indah
303	Lebuh Ampang	Taman Mulia Jaya
751	Hab Pasar Seni	Taman Sri Muda
T460	Bandar Teknologi Kajang	Stesen MRT Stadium Kajang
T803	Subang Suria	Stesen MRT Kwasa Sentral
T101	Bukit Rahman Putra	Stesen MRT Sungai Buloh
T102	Kampung Paya Jaras Hilir	Stesen MRT Sungai Buloh
T103	Sutera Damansara	MRT Damansara Damai

Berikutan gangguan perkhidmatan LRT Laluan Ampang di antara Stesen LRT Masjid Jamek dan Stesen LRT Bandaraya, para penumpang dinasihatkan untuk menggunakan laluan alternatif yang disediakan untuk ke Stesen LRT Bukit Jalil. Sila rujuk gambarajah yang tertera dibawah: -



Tren dari Ampang dan Putra Heights menghala ke Hang Tuah beroperasi seperti biasa

DIKEMASKINI PADA 27 JANUARI 2023	Bas tanpa henti	Bas berhenti di setiap stesen
	Laluan Monorel	Tren Perantara
	Tren Beroperasi	

Bagi mengelakkan kesesakan, para penumpang juga dinasihatkan agar terus membeli token perjalanan pulang sebaik sahaja tiba di Bukit Jalil, ataupun menggunakan kad Touch 'n Go. Sila pastikan baki kad mencukupi.

Keselamatan penumpang sentiasa menjadi keutamaan kami. Anggota Polis Bantuan tambahan akan ditempatkan di stesen-stesen utama bagi mengawal pergerakan penumpang.

Pihak Prasarana meminta penumpang agar mematuhi peraturan ketika menggunakan perkhidmatan rel dan bas, termasuk sentiasa memakai pelitup muka.

Kami memohon maaf di atas kesulitan akibat daripada gangguan perkhidmatan di antara Stesen LRT Masjid Jamek dan Stesen LRT Bandaraya.

-Tamat-

Dikeluarkan oleh Prasarana Malaysia Berhad, sebarang pertanyaan media sila hubungi pegawai komunikasi, En Mohd Sofian Hilmi, 019 460 1110